

# PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI  
DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 14 BILANGAN 49 RABU 3 DISEMBER, 1969

1389 رابع 23 رمضان PERCHUMA



## P'jaya Kebajikan sampaikan bendera

BANDAR BRUNEI. — Pesurohjaya Kebajikan, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa Awang Mohd. Salleh bin Haji Masri telah menyampaikan bendera Negeri Brunei kepada rombongan Pengakap Brunei yang akan menghadiri Jambori Pengakap Kebangsaan Thailand.

Upachara menyampaikan bendera itu telah di-adakan di-tambatan Kastam di-Bandar Brunei pada hari Khamis lepas sa-jurus sebelum rombongan itu berlepas ka-Labuan dalam perjalanan mereka ka-Thailand.

Jambori itu akan di-adakan di-Thornburi selama sa-minggu mulai 11 Disember.

Gambar atas menunjukkan Pehin Orang Kaya Laila Wangsa sedang menyampaikan bendera Brunei kepada wakil rombongan tersebut sementara gambar sebelah kanan kelihatan beliau sedang di-perkenalkan kapada pengakap2 dan guru2 pengakap sa-belum mereka meninggalkan tambatan Kastam.

**HARGA ZAKAT FITRAH TURUN**


BANDAR BRUNEI.—Kadzi Besar Brunei, Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja, Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Mohammad Zain bin Haji Serudin telah mengumumkan bahawa harga bayaian Zakat Fitrah bagi tahun ini ada-lah di-turunkan berdasarkan kapada harga beras yang di-turunkan pada hari Isnin lepas.

Dalam sa-buah surat keliling, Kadzi Besar itu berkata, menurut harga beras yang telah di-istiarakan oleh Kerajaan mulai dari 1 Disember, 1969 ada-lah saperti berikut.

Di-Bandar Brunei ia-lah \$2.50 sa-gantang. Kawasan Muara dan Tutong ia-lah \$2.55 sa-gantang dan Kawasan Seria — Kuala Belait dan Temburong ia-lah \$2.60 sa-gantang.

Menurut nilai harga beras bagi 3 kati 12 tahil (kadar timbangan beras yang wajib di-fitrahkan), maka bayaran Zakat Fitrah di-tiap2 kawasan ada-lah saperti berikut:

Di-Bandar Brunei bayaran Zakat Fitrah ia-lah \$1.56 $\frac{1}{4}$ . Di-Kawasan Muara dan Tutong, \$1.59 $\frac{3}{4}$  dan di-kawasan Seria/Kuala Belait dan Temburong ia-lah \$1.62 $\frac{1}{2}$ .



## Amaran Pulis terhadap orang2 yang bermain merchun

BANDAR BRUNEI. — Pulis telah mengeluarkan amaran kapada orang ramai supaya jangan bermain merchun atau lain2 letupan semasa Hari Raya, Keristmas dan Tahun Baru China yang akan datang ini.

Timbalan Pesurohjaya Pulis Di-Raja Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Raja Pengiran Jaya bin Pengiran Haji Rajid berkata, ada-lah menjadi satu kesalahan bagi sa-orang mengimpot dan menjual merchun di-negeri ini.

Beliau berkata, mereka boleh di-dakwa menurut undang2.

Negeri Brunei pada masa ini ada-lah di-bawah undang2 Dharurat.



**Awang Mahari bin Mohammad Said** (gambar atas) yang telah pulang ka-tanah ayer baru2 ini sa-felah memperolehi ijazah Sarjana Muda (B. Sc.) dalam jurusan kehutanan dari University College of North Wales, England.

Awang Mahari ia-lah bekas penuntut Maktab Anthony Abell, Seria dan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dan beliau melanjutkan pelajaran-nya atas biasiswa Kerajaan Brunei.

## Penuntut2 balek berchuti

**BANDAR BRUNEI.** — Saraiam sembilan orang penuntut Brunei yang belajar di-Institute Teknologi Mara di-Kuala Lumpur, telah kembali ka-tanah ayer pada hari Isnin kerana berchuti.

Mereka ia-lah Abdul Rahim bin Haji Musa; Zaidin bin Awang; Ja'afar bin Haji Saman; Shahri bin Awang Besar; Khalid bin Haji Ghazali; Mohamed Jumin bin Marsal; Mohamed Serudin bin Apong; Mohamed Zain bin Yahya dan Mohamed Zain bin Mohamed Salleh.

## Pesta ria Radio Brunei

**BANDAR BRUNEI.** — Bahagian Melayu Radio Brunei telah mengadakan Pesta Ria di-Dewan Raya Jabatan Penyiaran dan Penerangan dan Dewan Bahasa dan Pustaka, di-Bandar Brunei pada hari Sabtu lepas.

Turut mengiringi dalam persembahan itu ia-lah permainan pancharam Seroja dan Enam Serama.

Persembahan Pesta Ria yang termasuk lawak jenaka itu ada-lah bagi persiapan ranchangan untuk di-siarkan semasa Hari Raya akan datang.

Persembahan yang serupa juga telah di-adakan di-Kuala Belait baru2 ini.


## 5,503 orang menuntut di-kelas2 dewasa Ugama

**BANDAR BRUNEI.** — Sa-ramai 5,503 orang penuntut, termasok tiga ribu lima ratus lima puluh tujuh daripada-nya penuntut perempuan, sedang belajar di-kelas2 dewasa pelajaran Ugama di-seluroh Brunei.

Pemangku Nazir Kelas2 Dewasa Pelajaran Ugama Awang Ahmad bin Ramli berkata, dari jumlah itu 3,194 orang penuntut di-Daerah Brunei - Muara; 1,012 di-Tutong; 706 di-Belait dan 591 orang pe-

nuntut di-daerah Temburong.

Kata-nya, penuntut kelas dewasa itu di-ajar berbagai perkara mengenai ajaran2 Islam pada perengkat rendah dan menengah.



## Perkhidmatan Pos di-sungai2 Temburong berjalan dengan memuaskan

**BANDAR BRUNEI.** — Ketua Pos Agong Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim berkata bahawa perkhidmatan pos di-sungai2 di-Daerah Temburong telah berjalan dengan memuaskan.

Pengiran Bahar berkata demikian apabila di-minta mengulas tentang kemajuan perkhidmatan pos di-sungai2 bagi 30 buah kampong di-daerah itu.

Bot perkhidmatan pos yang berpangkalan di-Bangar di-arahkan ka-kampong2 di-Ulu Pandaruan pada hari2 Isnin pertama dan ketiga pada tiap2 bulan.

Perjalanan kedua bot itu ia-lah ka-kampong2 di-kawasan Ulu Amo yang di-lawati-nya pada hari2 Rabu pertama dan ketiga.

Pada hari2 Khamis pertama dan ketiga bot itu pergi ka-Kampong Biang-Tengah sa-haja.

Perjalanan ke-empat bot itu ia-lah ka-Ulu Batu Apoi pada hari2 Isnin kedua dan ke-empat pada tiap2 bulan.

Pada hari2 Selasa kedua dan ke-empat bot itu melawat ka-wasan Labu Estate.

Kampong yang di-lawati oleh bot itu sekarang ia-lah; kawasan Ulu Pandaruan; Ujong Jalan, Belais, Bokok, Meniup, Bakarut, Sembatang, Kenua, Lepong Lama, Lepong

Baru, Semabat, dan Temada. Kawasan Ulu Amo; Belinges, Belaban Baru, Selangan, Parit, Amo, Sibut, Lubok Belaban, Sumbiling Baru dan Batang Duri.

Kawasan Ulu Batu Apoi; Batu Apong, Nagalang, Tanah Merah, Lemaling dan Selapon.

Kawasan Labu Estate; Perdayan, Labu Estate, Senukoh dan Piasau2.

Pengiran Bahar berkata, urusan yang di-jalankan oleh perkhidmatan pos di-sungai2 pada masa ini di-hadkan ka-pada penjualan setem2 dan menerima surat2 biasa sahaja.

Sa-ramai 13 orang anggota Pulis Di-Raja Brunei yang se-dang menjalani kursus ulang kaji di-Sekolah Latehan Pulis di-Berakas telah melakukan lawatan ka-Jabatan Penyiaran dan Penerangan pada 26 No-bember lepas.

Anggota2 pulis itu telah di-bawa melawat ka-beberapa ba-hagian di-jabatan itu oleh Awang Ramlee bin Mohd. Said, salah sa-orang juruhebah Radio Brunei.

Gambar atas menunjukkan Awang Ramlee kelihatan se-dang memberi penerangan mengenai dengan tugas2 yang di-jalankan oleh Ranchangan Bahagian Melayu.

## Tiga orang Punan di-Ulu Belait mengidap penyakit puru

**KUALA BELAIT.** — Jabatan Perubatan dan Kesihatan di-Kuala Belait telah mendapati tiga orang Punan di-Ulu Belait mengidap penyakit puru.

Puru ada-lah sa-jenis penyakit yang kelihatan sa-bagai ku-dis, yang timbul di-seluroh tu-buh badan dan kaki. Penyakit itu boleh menjangkiti.

Sa-orang juruchakap jabatan itu di-Kuala Belait berkata, pesakit2 itu telah di-ubat de-nan penincilin.

Boleh-lah di-perchayai bahawa penyakit itu selalu di-dapat di-kalangan orang2 suku kaum itu bila di-pandang dari

bekas2 yang kelihatan di-tu-buh2 mereka.

Sementara itu juruchakap itu berkata, kempen untok mem-beri ubat penchegah penyakit Diphtheria kapada kanak2 yang berumor di-bawah 10 tahun di-kampong2 di-Ulu Belait sedang berjalan menurut ranchangan.

Sa-takat ini 138 orang ka-nak2 telah di-suntek dengan dos kedua.

Kempen yang ada sekarang akan tamat pada 3 Disember.

Juruchakap itu berkata, dos ketiga dan terakhir akan di-berikan sa-lepas 5 bulan.

## KHUTBAH JUMA'AT

**WAHAI** kaum Muslimin, hendak-lah tuan2 mengerjakan segala surohan Allah dan menjauhi segala yang di-larang dan Allah Taala telah mewajibkan ka-atas hamba2nya dengan kewajipan2 yang tertentu dan menyediakan balasan kapada orang2 yang ta'at dan mengerjakan surohan dengan shorga dan menyediakan pula neraka untuk orang2 yang engkar dan derhaka.

Dalam kita mengerjakan ibadat puasa, pada hari ini kita telah berjaya masok ka-dalam masa sa-paroh akhir, maka kapada siapa2 yang telah mengerjakan puasa-nya dengan baik dan sempurna serta membuat 'amal ibadat pada siang dan malam-nya, bahagia dan senang-lah fikiran mereka dan siapa2 yang telah menchuaikan dan malas, maka belum-lah tahu mereka akan dapat berjumpa Ramadhan pada tahun2 yang akan datang.

Walau bagaimana pun peluang maseh ada untuk kita merebut keistimewaan bulan Ramadhan yang telah di-janjikan oleh Allah, kerana Ramadhan maseh bersama2 kita dan di-dalam sa-puloh hari malam yang akhir ini ada-lah masa yang di-antara-nya dikatakan "Lailatul Qadar" (Malam Qadar) sa-bagaimana yang di-terangkan oleh Allah Taala di-dalam suratul Qadar yang bermaksud:

"Satu malam Lailatul Qadar itu lebih baik daripada seribu bulan".

Berchakap berkenaan Lailatul Qadar ini, menurut keterangan2 yang di-dapat, ulama2 ada-lah sa-pakat mengatakan bahawa Lailatul

**Siapa2 yang telah mengerjakan puasa-nya dengan baik dan membuat amal ibadat pada siang dan malam-nya, bahagia dan senang-lah fikiran mereka.**

Qadar ada-lah di-dalam bulan Ramadhan dan mereka ber-salahan pada menentukan ma-sa-nya, tetapi kebanyakan ulama2 telah menyatakan malam Lailatul Qadar itu jatohnya dalam pada sa-puloh malam yang akhir daripada Ramadhan di-malam2 ganjil (gangsal), maka barang siapa beramal saleh pada malam tersebut ada-lah lebeh baik dari-pada seribu bulan. Oleh itu jangan-lah kita melepaskan pe-luang istimewa ini kerana kita belum tahu akan dapat ber-amal di-dalam bulan Ramadhan di-tahun2 yang akan datang.

Sa-bagaimana di-sebutkan

## MALAM LAILATUL-QADAR LEBEH BAIK DARI SERIBU BULAN

**Pmk. Pengetua Ugama akan rasmikan Pertandingan Quran**

**BANDAR BRUNEI.** — Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Serudin akan merasmikan pembukaan pertandingan membacalah Al-Quran pada 4 Disember esok bertempat di-bangunan Persatuan Kebajikan Maufakat Kampong Burong Pingai Ayer.

Pertandingan yang di-anjorkan oleh persatuan itu ada-lah sa-bagai sambutan perayaan Nuzul Al-Quran dan juga sa-bagai projek tahunan persatuan tersebut.

Enam belas orang peserta termasuk tujuh orang perempuan yang mewakili enam buah persatuan belia di-Daerah Brunei-Muara akan mengambil bahagian dalam pertandingan itu.

Ia-nya di-bahagikan kepada bahagian lelaki dan perempuan dan hanya terbuka kepada persatuan2 belia di-Daerah Brunei Muara.

### Pertandingan Quran anjoran PATUH

**BANDAR BRUNEI.** — Pertandingan membacalah Quran perengkat akhir pelajar2 kelas dewasa Ugama dan membacalah Quran telah di-adakan malam

Sabtu lalu, bertempat di-rumah persatuan PATUH di-Kampung Si-Raja Muda, Kampong Ayer.

Pertandingan yang di-anjorkan oleh persatuan tersebut, di-adakan sempena menyambut Nuzul Al-Quran.

Sa-ramai dua belas orang qari dan qariah telah mengambil bahagian dalam pertandingan akhir itu.

Keputusan menunjukkan, bahagian lanjutan peserta lelaki pertama Awang Ahmad bin Awang Besar dan Bahagian Rendah Pengiran Ali-akbar bin Pengiran Abu Bakar.

Bahagian menengah peserta perempuan: pertama Dayang Rashidah binte Junaidi sementara bahagian rendah Pengiran Satrah binte Pengiran Abu Bakar.

Hadiyah2 telah di-sampaikan oleh Ketua Kampong Si-Raja Muda Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Jaya.

**BANDAR BRUNEI.** — Kursus untuk bakal2 Haji yang akan ka-Mekah tahun hadapan yang di-anjorkan oleh Jabatan Hal Ehwal Ugama telah tammat pada minggu lepas.

Kursus tersebut mula2 sekali telah di-adakan di-Masjid Utama Mohamed Salleh di-Temburong pada hari Sabtu 22 Nobember lalu.

Bakal2 Haji dari Daerah Brunei-Muara dan Tutong telah di-berikan kursus itu di-Madrasah Bandar Brunei.

Kursus yang sama di-Daerah Belait telah di-adakan di-Masjid Mohamed Jamalul Alam pada 26 Nobember lalu.

Seramai empat ratus dua puluh orang umat Islam akan pergi ka-Mekaah tahun hadapan.

## Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

*Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/ Muara. Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 3 Dis. 1969 hingga ka-hari Selasa 9 Dis. 1969 ada-lah saperti d-bawah ini:*

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit	Matahari
3 Dis.		12-15	3-34	6-12	7-26	4-41	4-56	6-14	
4 Dis.		12-15	3-34	6-12	7-26	4-41	4-56	6-14	
5 Dis.		12-15	3-34	6-12	7-26	4-41	4-56	6-14	
6 Dis.		12-18	3-36	6-13	7-28	4-44	4-59	6-17	
7 Dis.		12-18	3-36	6-13	7-28	4-44	4-59	6-17	
8 Dis.		12-18	3-36	6-13	7-28	4-44	4-59	6-17	
9 Dis.		12-18	3-36	6-13	7-28	4-44	4-59	6-17	

*Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.*

*Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.*



3hb. Disember, 1969.

**ZAKAT-FITRAH**

**P**EJABAT Setia Usaha, Majlis Ugama Islam Brunei telah mengeluarkan sa-buah buku kecil mengenai dengan Zakat dan Fitrah di-Negeri Brunei. Terbitnya buku kecil itu ada-lah berikutan dengan kuatkuasa-nya Undang2 Zakat dan Fitrah yang mulai berjalan pada 11hb. Shawal 1389 bersamaan dengan 1hb. Januari, 1969.

Dalam pendahuluan buku itu menyatakan bahawa buku itu bertujuan untuk menerangkan beberapa perkara yang patut di-tetapkan oleh Umat Islam se-kalian mengenai Zakat dan Fitrah dari segi undang2 shara' dan undang2 negeri, tujuan za-kat dan fitrah, chara pembayar-an dan pembagian dan lain2 perkara lagi.

Umat Islam di-Brunei, dalam perkara Zakat dan Fitrah ini sedang berhadapan dengan satu perkara yang baru ia-tu tentang pembayaran yang tidak lagi merupakan perkara yang dilakukan dengan sa-wenang2nya seperti yang di-amalkan mereka tahun2 yang sudah. Mulai ta-hun ini, Umat Islam Brunei di-kehendaki membayar fitrah2 mereka kapada amil2 yang dilantek oleh Majlis Ugama Islam dan sekali2 mereka tidak di-benarkan membayar-nya ka-pada orang2 lain yang bukan amil.

Dari perkara baru ini, telah banyak menimbulkan masaalah di-kalangan Umat Islam Brunei, terutama masharifikat Islam yang tinggal di-kampung2 yang maseh tebal dengan teradisi2 mereka yang tersendiri. Pada mula-nya, mereka kurang benar memahami akan langkah ini dan dari sini menyebabkan tim-bulnya pendapat2 liar yang di-bawa angin yang di-sebarluaskan oleh orang2 yang kurang tahu tentang perkembangan yang sa-benar-nya. Kebiasaan mereka berfitrah kapada orang2 yang mereka suka yang telah di-lakukan mereka sejak ber-tahun2 dulu sa-olah2 satu tem-bok yang sukar di-lalui mereka walaupun ada yang menyedari bahawa orang2 yang mereka fitrati itu ada di-antara-nya ti-dak berhak menerima.

Langkah Majlis Ugama Islam Brunei dengan kuatkuasa un-dang2 untuk mengutip Zakat Fitrah itu merupakan satu langkah yang memang sudah patut di-ujudkan di-Brunei ini memandang kapada ada-nya ke-keliruan2 yang merugikan ma-sharifikat Islam sendiri.

Dengan terbitnya buku kecil mengenai perkara Zakat dan Fitrah ini, kita perchaya ia-nya akan dapat menghurai-kan kemusikan2 yang bersangkutan dan ada-lah juga di-alu2kan langkah Badan Pen-erangan Ugama Islam yang akan menjelajah ka-masjid2 untuk memberikan penerangan lanjut mengenai dengan Zakat dan Fitrah itu, terutama mengenai pembayaran2-nya. Ini-lah masa yang amat baik bagi umat Is-lam, terutama mereka yang me-rasa rugi2, supaya dapat had-hir dalam perjumpaan itu nanti dan mengikuti sharahan2 yang di-berikan dengan hati2 dan mereka juga perlu bertanya apa yang di-muskilkan.

**S**ELUROH Umat Islam di-dunia ada-lah sedang da-lam keadaan gelisah berikutan dengan kejadian2 yang timbul di-sekeliling mereka, lebeh2 lagi sa-telah peristiwa pem-bakaran Masjidil-Aqsa di-Bai-tul-Muqqaddis.

Telah juga di-sarankan ba-hawa Umat Islam bagitu jauh tertinggal dalam arus perkem-bangan kemajuan di-dunia baik dari segi politik, sosial, ekonomi, kebudayaan.

Rumusan dari gelisah di-se-babkan kemunduran yang se-dang menimpah umat Islam ada-lah berpuncha dari ku-rang-nya ilmu pengetahuan mereka yang tidak dapat menandingi kemajuan2 ilmu pengetahuan yang di-chapai oleh orang2 yang bukan Islam.

Saranan2 itu telah di-lahir-kan dalam forum sambutan Nuzul Al-Quran baru2 ini yang bertajok "Kedudukan Umat Islam Dalam Perkem-bangan Dunia Moden".

Majlis forum itu telah di-pengerusikan oleh Awang Abd-ur Hamid bin Bakal M. A. (Al-Azhar) penguasa Pelajaran Ugama di-Jabatan Hal-Ehwal Ugama, sementara ahli2 forum ada-lah terdiri dari Yang Ber-hormat, Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Seri Laila Jasa, Dr. Haji Awang Mohammad Jamil Al-Sufri, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka; Awang Abdul Saman bin Kahar, M. A. (Al-Azhar); dan Awang Abdul Latif bin Haji Hashim, Penterjemah Kanan di-Jabatan Hal-Ehwal Ugama.

Ahli forum yang pertama, Awang Abdul Saman telah menekankan tentang umat ma-na yang menjadi pelopor me-modernkan dunia yang bukan di-lakukan oleh umat2 yang lain melainkan oleh Umat Islam sendiri.

Beliau berkata, dari sejak Islam berkembang-lah dan sa-hingga meribak ka-merata du-nia perkembangan2 moden itu semakin membiak yang dari unsur2 kemodernan yang di-pe-lopori oleh Umat Islam itu telah di-tokok-tambah oleh Umat yang bukan Islam sa-hingga mereka mencapai ke-majuan2 yang lebh besar dari yang di-dapat oleh Umat Islam sendiri.

Pengajaran2 yang terdapat dalam Al-Quran, kata-nya ada-lah chukup membuktikan bagaimana Umat Islam itu sentiasa di-kehendaki bergerak terus untuk mencapai ke-majuan2 yang lebh besar dan tidak lika dengan pengaroh2 yang sentiasa bertujuan untuk memesongkan semangat Umat Islam untuk mencapai chita2 yang besar itu.

Tetapi, tegas beliau, kehen-dak Al-Quran itu telah tidak dapat di-penohkan oleh Umat

**FORAM:****KEDUDOKAN UMAT ISLAM DALAM PERKEMBANGAN DUNIA MODEN**

Islam kerana mereka lalai de-nan keadaan2 yang mem-e-songkan yang akhir-nya Umat Islam telah mundur dalam ke-adaan kemodenan yang pada mula-nya di-pelopori oleh me-reka.

Awang Abdul Saman berse-rupaya seluoh Umat Islam harus bangkit dari sekarang untuk menebus balek kemulia-an yang di-chipta itu dan menchari jalan keluar sa-telah di-dapatci puncha besar yang menyebabkan tertinggal - nya Umat Islam itu.

Peserta kedua, Awang Abd-ur Latif bin Haji Hashim telah banyak membawa kapada kesar2 dan peristiwa2 dalam zaman Nabi Mohammad s.a.w. dalam perjuangan Baginda dengan teknik2 yang sentiasa berubah2 untuk mengembangkan Ugama Islam.

Pengertian moden, kata-nya ada-lah bermakna "yang ba-haru" dan teknik2 Baginda dalam menghadapi bahaya2 di-zaman jahiliah itu telah menampakkan yang perkem-bangan kemodenan itu sudah ada sejak zaman Baginda lagi.

Berberapa waktu dahulu, kata-nya, perkembangan Uga-ma Islam ada-lah satu keadaan yang sangat2 mendatangkan kebimbangan kapada penganut2 yang bukan Islam dan mereka sentiasa berikhtiar untuk menumbangkan Islam itu, tetapi oleh kerana pemimpin2 Islam sejak dari Nabi Mohammad hingga kapada sa-habat2 Baginda yang menerus-kan perjuangan Baginda itu mempunyai pandangan yang luas dan sentiasa mendapat ilham yang baharu, maka chita2 mereka itu telah tumpas.

Tetapi, kata-nya bagaimana-kaah kedudukan Umat Islam sekarang? Perkara ini harus di-sedari dengan sa-sedar2nya tidak-lah rugu2 di-katakan yang Umat Islam dewasa ini kedudukan-nya tidak saperti dulu dan untuk balek kapada keadaan itu ada-lah memerlukan perjuangan2 y- kental.

Peserta ketiga, Yang Ber-hormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja Dato Seri Laila Jasa, Dr. Haji Awang Md. Jamil Al-Sufri telah menekankan beberapa kali ketika me-nyampaikan hujjah2-nya bahawa Umat Islam sekarang ini ada-lah dalam keadaan "gelisah".

Dari kedudukan Umat Is-lam itu, kata-nya tidak ada

sá-orang Islam pun yang sa-chara terbuka mengakui yang dia tidak gelisah. Kalau pun ada, kata-nya, maka itu ha-nya-lah mulut-nya saja yang tidak mengatakan gelisah, se-dangkan hati Tohan sahaja yang tahu.

Betapa tidak gelisah, tegas-nya, kedudukan Umat Islam di-himpit oleh orang2 yang bu-kan Islam yang lebh berkem-bang maju dalam berbagai2 bidang, hingga-lah mereka menchapai kemajuan yang lebh besar yang bukan hanya di-bumi, tetapi mereka sudah sampai ka-bulan.

Beliau berpendapat bahawa unsur2 moden sudah ada sejak Nabi Allah Adam dan per-tolakan kemodenan itu ada-lah bermula dari Nabi Allah Adam yang pada mula hidup dalam keadaan berbogel dan kemudian bertukar keadaan itu kapada penutupan aurat daripada daun2 kayu dan di-ikuti pula dengan keturunan2 berikutnya dengan perubahan masing2, hingga-lah zaman yang sama2 kita saksikan ini.

Tetapi, kata-nya, sejak akhir2 ini siapakah yang mencipta perubahan2 itu? ..... Adakah perubahan2 itu di-chipta oleh Umat Islam? Banyak yang bukan di-chipta oleh Umat Islam. Misal-nya, adakah ka-pal terbang yang kemudian bertukar lebh maju kapada pesawat2 jet itu di-chipta oleh Umat Islam? Adakah kapai2 yang membawa bakal2 haji ka-Mekah itu di-buat oleh orang Islam? Adakah sharikat2 yang besar di-dunia di-punyai oleh orang Islam?; dan adakah yang naik ka-bulan itu orang Islam? Jawab-nya "bukan!" , tegas beliau.

Kerana itu, kata-nya, Umat Islam sekarang kedudukan-nya dalam keadaan yang gelisah, di-sebabkan di-lingkongi oleh kemajuan2 yang besar yang di-chapai oleh orang2 yang bukan Islam, pada hal yang menjadi pelopor kemajuan itu ia-lah Umat Islam. Umat Islam yang terdahulu memperaktik-kan perubahan2 itu, tetapi malang-nya hanya separoh ja-lan sahaja dan tidak sampai kapada keadaan sekarang.

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja telah menafsirkan maksud sa-tu ayat yang di-bawakan oleh Awang Abd. Latiff yang ber-arti "Tohan berjanji akan menjadikan Umat Islam sa-bagi pemerentah di-muka bumi."

(Lihat Muka 8)

SATU chinta yang amat besar telah, sedang dan nampaknya akan terus di-persembahkan dunia kepada pemuda pemudi (dalam renchana ini kita gunakan perkataan 'Belia'). Penghargaan serupa ini nampaknya telah berlaku sejak purba lagi. Hal ini dapat kita lihat dalam kitab2 tua yang biasa-nya menghurai-kan cherita2 kebaktian, kesaktian dan kekuatan. Cherita2 begini menjadi sangat popular baik di-kalangan masharifikat barat mau pun orang timur.

Rasa chinta dan penghargaan bangsa Melayu terhadap kaum belia ada-lah sampai kapada suatu kemuncak yang amat tinggi. Penghargaan ini di-abadikan oleh ninek moyang kita dalam peribahasa Melayu 'Pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara'.

Bila di-teliti motive yang mendurong subor-nya chinta yang bergerla ini ternyatalah bahawa ia tertumpu pada sebab2 yang amat strategis pula, di-mana semua bangsa perchaya bahawa tenaga belia sangat penting untuk hal ehwal pembangunan dan pemeliharaan terhadap keutuhan dan kedaulatan sa-sebuah negara, dan tenaga belia ada-lah di-yakin sebagai jambatan yang akan menghubung dan meneruskan sejarah tegak dan tumbang-nya sa-suatu umat.

Di-dalam Al-Quran kata "chin-ta" terdapat dalam banyak lambaran, mithalnya firman Tuhan yang bermaksud 'Sa-sunggoh-nya Tuhan menyukai orang2 yang berbuat kebaikan' dan firman-nya lagi, maksud-nya 'Sa-sunggoh-nya Tuhan menyukai orang2 yang taqwa'. Demikian-lah sa-terus-nya. Jadi Allah ada-lah sentiasa memberikan penghargaan dan mengasehi orang2 yang layak di-chintai. Adakah kaum belia termasok ka-dalam gulongan yang di-chintai dan yang layak di-kasehi Allah?

Bila berhadapan dengan persoalan serupa ini, biar-lah kesimpulan yang kita hasilkan itu menelma dari penelitian yang di-gali dari keyakinan yang dapat di-pe-gang.

Untuk mengukur sama ada sa-seorang itu termasok ka-dalam gulongan yang mendapat chinta dan di-kasehi Allah tidak-lah dapat kita lakukan dengan menilai darah keturunan-nya, atau pangkat kebesaran-nya; tetapi chinta Allah akan berlaku menurut nilai-nya taqwa sa-seorang, sebagaimana firman Tuhan yang bermaksud 'Sa-sunggoh-nya yang paling mulia di-antara kamu dalam pandangan Tuhan ia-lah yang lebih taqwanya'. Dalam ayat2 yang lain pula hal ini semakin jelas, sehingga dapat-lah kita membuat satu kesimpulan bahawa sa-tiap orang yang taqwa, dan membuat kebaikan serta mematuhi perentah dan larangan Tuhan ada-lah berhak mendapat chinta dan kaseh Allah.

Berdasarkan hal tersebut, maka kedudukan kaum belia dalam perkara ini tidak-lah ada bezaz-nya. Chinta dan kaseh Tuhan akan berlaku ka-atas pemuda atau pemudi yang memiliki sharat2 yang di-sebutkan di-atas. Akan tetapi apabila kita meneliti Al-Quran di-dalam surat Al-Kaf, ternyata-lah bahawa kaum belia ini bukan saja mendapat penghargaan besar dari-pada umat manusia — di-barat dan di-timur — malah gulongan ini juga mendapat tempat yang istimewa di-sisi Allah andai-nya mereka sanggup memelihara sharat2 yang telah kita sebutkan tadi.

Surat Al-Kaf mengandungi riwayat sebilangan pemuda yang beriman yang tidak mau tunduk kepada keshirikan. Pemuda2 ini di-di-tidurkan Allah di-dalam gua. Dalam surat Al-Kaf ini sebutan 'Pemuda' (yang dalam bahasa Arab di-sebut fitiyah) terang2an di-abdikan Allah untuk selama2-nya di-dalam kitab suci, ikuti-lah fir-

## BIMBINGAN PUASA TERHADAP PENINGGIAN NILAI GERAKAN BELIA

Oleh: ABD SAMAN KAHAR, M.A. (AL-AZHAR).

man Tuhan yang maksud-nya 'Kami cheritakan kapada engkau cherita mereka yang sa-bneear-nya, sa-sunggoh-nya mereka itu-lah adalaH PEMUDA2 yang beriman ka-pada Tuhan-nya, dan kami tambahi mereka dengan pimpinan'.

Biasa-nya riwayat mengenai gulongan atau orang perseorangan yang di-abadikan Allah di-dalam Al-Quran ada-lah dengan maksud agar manusia2 lain mengambil ilbar dari pengajaran2 yang ter-kandung di-dalam riwayat itu, dan dengan sendiri-nya kejadian yang di-riwayatkan itu ada-lah penting di-dalam Allah. Oleh yang demikian riwayat mengenai pemuda2 sebagai-mana di-dalam surat Al-Kaf adalaH suatu bokti yang jelas bahawa kaum belia ada-lah mendapat penghargaan yang amat tinggi dan chinta kaseh daripada Allah, de-nungan sharat mereka mestilah ber-taqwa dan berbuat kebaikan serta patuh kapada ajaran2 Tuhan.

Negara2 moden dan negara2 yang sedang membangun, di-samping mengharapkan tenaga2 belia sebagai jentera perkembangan, adalaH juga menyedari bahawa tenaga2 yang sedang berkobar hangat ini boleh juga membahayakan pembangunan sekira-nya ia menerima pengaroh dari anasir2 yang tidak bertanggung jawab, kerana itu terdapat banyak negara yang memberikan bimbingan yang sehat terhadap tenaga2 ini dengan menyuarukkan-nya ka-arah bidang2 yang dapat menyelamatkan belia2 itu sendiri.

Di-dalam Al-Quran terdapat firman Tuhan yang maksud-nya 'Dan berpegang-lah kamu pada Ugama Allah dan jangan-lah kamu berpecah belah'. Ayat ini ada-lah menyurukan perpaduan dan ikatan yang tegoh di-kalangan manusia, jadi berpandu kapada ayat di-atas ini maka dapat-lah kita menegaskan bahawa pertumbuhan persatuan2 belia seperti yang terdapat juga di-tanah ayer kita ini, ada-lah termasok ka-dalam perkara yang di-sukai dan di-suroh Allah. Oleh yang demikian kita memang berbaik berbangga atas kesedaran kita ka-arah penubuhan persatuan2 tersebut, dan umat manusia serta Allah ada-lah mengharapkan agar persatuan2 ini (sebagai alat perpaduan kaum belia) di-pelihara dan di-perkembang.

Menurut hemat saya, chita2 terbesar di-sebalek gerakan belia di-mana saja (termasok tanah ayer kita), ada-lah untuk memikul suatu tugas yang penting yang biasa-nya di-lambangkan oleh 'Pembangunan untuk kesempurnaan jasmani dan rohani'.

Secali lagi Islam menampakkan sikap-nya yang dinamis, sebab chita2 serupa ini ada-lah mendapat dukungan-nya, dan hal ini dapat kita selok dari pengertian sebuah firman Tuhan yang maksud-nya 'Hendak-lah kamu tergulung umat yang mengajak kapada kebaikan, menyuroh mengerjakan yang benar dan melarang membuat yang salah'.

Nabi Muhammad S.A.W. pula tetah memampakkan minat-nya yang sangat mendalam terhadap kaum belia, ini menambah lagi keyakinan kita tentang betapa tinggi-nya penghargaan Ugama Islam terhadap gulongan tersebut. Nabi bersabda ciri-nya 'Pelihara-lah li-

ma perkara sa-belum tiba lima perkara, hidupmu sa-belum tiba mati, sehat sa-belum tiba derita, masa lapang sa-belum sebok, masa muda sa-belum tua dan kaya sa-belum miskin'.

Sa-benar-nya untuk mempertinggi nilai gerakan belia, maka kerajinan gulongan ini mempelajari struktur masharifikat dengan pelbagai masalah-nya ada-lah sangat di-perlukan, kerajinan serupa ini ada-lah sharat utama dan pertama bagi pertubohan2 belia untuk me-nyalurkan derma bakti-nya. Keja-yan kaum belia menulung me-mechahkan masalah2 yang sedang di-hadapi oleh masharifikat-nya ada-lah ukuran yang paling tepat untuk meninjau sama ada gulongan ini betul2 berjaya atau gagal dalam mendukung tanggung ja-wab-nya.

Biasa-nya gulongan chandakian wan ada-lah meletakkan beberapa sharat untuk menghasilkan kejayaan serupa itu, antara-nya kaum belia mestilah mampu memperkemas peribadi dan sikap hidup serta mempunyai dada lapang dan pan-dangan luas, sharat lain ia-lah bahawa kaum belia mestilah ber-usaha dari masa ka-semasa men-ambah ilmu pengetahuan mereka sendiri bagi kegunaan menghadapi perkembangan moden dan teknologi sekarang. Inilah beberapa bimbingan yang boleh di-anggap dapat menyelamatkan dan mem-pertinggi nilai gerakan belia.

Sharat2 yang di-sebutkan itu sa-benar-nya ada terkandung dalam bimbingan Ugama Islam sendiri, kerana di-dalam Al-Quran ada beberapa ayat yang menggesa kita untuk rajin memerhatikan segala kejadian Tuhan bagi kegunaan Keimanan dan mengha-dapi persoalan hidup, di-simping itu terdapat juga ayat2 yang me-nyerukan agar kita meletakkan ilmu pengetahuan ka-suatu tingkat yang sangat tinggi.

Sekira-nya gerakan belia itu di-tinjau dari sudut-nya yang umum, maka sa-benar-nya ajaran2 Islam sechara umum ada-lah membimbing kaum belia ini (sebagai si-fat-nya manusia) agar menyelamatkan diri mereka dan chita2 perge-rakan-nya dengan mempertegoh keimanan, sebab Allah telah ber-jani bahawa dia (Allah) akan menambah bimbingan dan pim-pinan kepada orang2 yang beri-man.

Sa-belum ini telah kita bawakan dua ayat yang menyerukan perpaduan dan berbuat kebaikan. Mungkin sa-tengah2 orang men-gagap bahawa ini pun termasok ka-dalam chara2 Tuhan membimbing kaum belia (sebagai si-fat-nya manusia) sechara teori. Maka un-tuk membuktikan bahawa sa-sunggoh-nya Tuhan mempunyai chara2 bimbingan sechara praktik, ibadat puasa dapat kita ambil sebagai sa-tu chuntoh-nya.

Sudut2 yang harus di-bicharakan mengenai bimbingan puasa amat iuas sekali, tetapi sa-kadar untuk mendekati tajok tenchana ini, ma-sharif2 penting untuk meninggian nilai gerakan belia sa-bagaimana yang telah di-sebutkan.

Sekurang2nya ada tiga faktor yang terkandung di-dalam falsafah puasa ia-itu asohan, pembebasan jiwa dan penyempurnaan hidup.

Asohan atau didekan ini ber-langsung dalam sifat-nya yang san-gat praktis, ia-itu satu ujian untuk mengukur ketabahan sa-seorang. Makan minum dan melakukan hu-bungan jenis ada-lah di-antara ke-perluan2 manusia yang tidak da-pat di-pisah2kan dari sa-panjang perjalanan sejarah. Ibadat puasa telah mendesk manusia untuk keluar sebagai pahlawan dalam mid-an perang yang terbesar ini, ia-itu perang melawan hawa nafsu ibadat puasa menyuruh supaya kita menang di-dalam-nya, dan hasil dari kemenangan ini ia-lah ekoran2 selanjut-nya ia-itu ketabahan dan keutuhan peribadi, sebab2 di-antara punch2 kekuatan peribadi ia-lah kejayaan manusia menolak kekuasaan hawa nafsu ka-atas diri-nya. Orang yang ber-jaya mengamalkan puasa dengan sendiri-nya berjaya pula memujok suatu sikap hidup, ia-itu suatu sikap yang lebuh banyak di-gerakkan oleh pertimbangan2 yang ter-ator dan bijak.

Dala lapang dan luas pandangan ada-lah milek orang2 yang berjiwa besar — orang ini-lah yang layak di-beri keperchayaan untuk men-lai dan memecahkan segala prob-lem masharifikat. Jiwa besar tak mungkin di-chapai selagi manusia merasa serba takut dan terkung-kong, puasa dapat melepaskan orang dari ikatan serupa ini, sebab latihan berlapan dahaya dan menahan diri dari hubungan jenis di-waktu siang dengan sendiri-nya memaksa manusia untuk lebuh ban-yak berfikir dan mengembalikan diri-nya kapada Allah. Ibadat (puasa sebagai satu chabang-nya) dan penumpuan fiziran kapada Tuhan ada-lah sharat mutlak un-tuk membebaskan jiwa dari sebarang rasa terkungkong oleh manusia lain, dan apabila manusia hanya menumpukan perchaturan hidup-nya kapada Allah, maka hidup yang di-pusatkan ka-suatu kekuasaan mutlak serupa itu, lambat laun akan menolak ka-tepi segala gamitan2 kuasa manusia yang lain, dan demikian-lah ba-gaimana kebebasan jiwa itu ber-laku berlaku untuk sa-terus-nya dapat melahirkan manusia2 yang membuat pertimbangan2 yang berkelebar dengan kebijaksanaan sehat dan dapat di-pertanggung jawabkan.

Peranan lapar dan dahaga ketika berpuasa menyebabkan orang da-pat menginsapi betapa penderitaan orang2 lain yang hidup-nya ter-himpit. Simpati serupa ini ada-lah tangga pertama ka-arah satu ke-sedaran lain, ia-itu keinginan un-tuk mengelakkan bencana ke-miskinan dan penderitaan itu dari berjngkit dan berlarut2 dalam masharifikat. Hal ini ada-lah satu pertanda ka-arah satu perkara yang lebuh penting, ia-itu lahir-nya satu rasa tanggung jawab yang meny-euroh untuk menghadapi dan me-nyelesaikan apa saja masalah be-rat yang melanda masharifikat. Dari sini penyempurnaan hidup akan berbunga.

Kesimpulan yang dapat kita tangkap ia-lah bahawa puasa me-nulung menimbulkan peribadi yang kemas dan sikap hidup yang luas pandangan serta melatih manusia untuk mendekati problem masharifikat melalui pengalaman-nya sendiri. Hal2 ini sebagaimana telah di-sebutkan ada-lah penting untuk sa-tiap gerakan belia yang ingin meninggikan mutu bakti-nya.

# Jawatan-Jawatan Kosong

## Sa-bagai Penulong Pegawai Kewangan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan Penulong Pegawai Kewangan Negara (Mata Wang dan Banking) di-Jabatan Perbendaharaan Brunei.

### Kelayakan2:

Chalun2 tidak semesti-nya mempunyai kelayakan2 profesional tetapi ada-lah menjadi kelebihan kepada chalun2 yang mempunyai kelayakan yang di-akui dalam ilmu kira-kira, menjadi ahli sekutu Institute of Bankers atau pun mempunyai ijazah Ekonomi atau perdagangan. Pemohon2 mesti-lah mempunyai sifat2 jujur dan amanah serta mempunyai pengalaman praktik dalam kerja2 sesuatu Lembaga Mata Wang, chara2 sa-buah Kerajaan menguatkuasaan undang2 Banking dan perkara2 yang berhubungan dengan Pengawalan Pertukaran Mata Wang Asing.

### Tugas2:

Pemegang jawatan ini akan bertanggung jawab sa-chara langsung kapada Pegawai Kewangan Negara tentang perkara2 yang bersangkutan dengan Mata Wang, Banking dan Pengawalan Pertukaran Mata Wang Asing. Tugas utama ia-lah sa-bagai Setia Usaha kapada Lembaga Mata Wang Brunei dan kepada Pegawai Kewangan (Currency Officer). Ini memerlukan ia menjaga wang2 dalam simpanan dan menyimpan buku2 kira-kira serta lain2 rekod Lembaga Mata Wang.

### Gaji:

Dalam sukat gaji B. 3 — B\$1,670 x 50 — 1820. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

### Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan ra'ayat D.Y.M.M. Sultan akan dilantek sa-chara berkontrek selama 3 tahun termasok masa perchubaan sa-lama 6 bulan. Chalun2 yang berjaya yang terdiri dari

ra'ayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaan.

### Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang dilantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 per-

khidmat boleh di-dapat dari pada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti diperlukan di atas borang2 yang boleh di-dapat daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah dikembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kapada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Disember, 1969.

## Sa-bagai Penulong Jururawat

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 perempuan yang menjadi raayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk jawatan sa-bagai Penulong Jururawat2 Perchubaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

### Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah bujang dan berumur 18 tahun ka-atas. Mereka hendak-lah lulus Form I Inggeris, atau Darjah VI Sekolah Melayu dan mempunyai sedikit pengetahuan berbahasa Inggeris.

### Sukatan Gaji:

Penulong Jururawat Perchubaan dan Penolong Jururawat Terlateh E. 1-2 EB 3 — \$200 x 10 — 230/240 x 10 — 270/EB/280 x 10 — 330.

Penolong Jururawat Kanan D. 3 — \$380 x 20 — 480.

### Elauh:

Pakaian seragam akan di-beri perchuma. Tempat tinggal akan di-sediakan semasa latehan. Sa-bagai tambahan, elauh chatuan sa-banyak \$35/-sa-bulan akan di-bayar semasa dalam tempoh perchubaan.

### Perchubaan:

Tempoh perchubaan lazimnya ia-lah sa-lama 2 tahun.

Permohonan2 yang mesti diperlukan di atas borang2 yang boleh di-dapat daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah dikembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 15 Disember, 1969.

## Sa-bagai Jururawat Perchubaan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk jawatan Jururawat2 Perchubaan di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Pemohon2 mesti-lah raayat D.Y.M.M. Sultan atau berhak di-daftarkan sedemikian.

### Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah sudah mencapai umur 18 tahun.

Mereka mesti-lah lulus sekurang2nya Form III Inggeris atau yang sebanding dengannya.

### Sukatan Gaji:

Perchubaan D. 1-2 — \$210 x 10 — 270 x 15 — 360. Gaji permulaan bergantung kepada pelajaran persekolahan.

Jururawat Terlateh D. 3 — \$380 x 20 — 480.

### Sharat2 Lantekan:

a) Pemohon2 yang terpileh akan menjalani latehan

bagi Sijil Jururawat Terlateh di-Rumah Sakit Besar, Brunei. Latehan ini selalu-nya sa-lama 3 tahun 4 bulan. Sa-telah memperolehi Sijil Jururawat Terlateh, pemohon2 akan berhak untuk di-te-tapkan sa-bagai Jururawat Terlateh di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan Kerajaan Brunei.

b) Pakaian seragam akan di-beri perchuma dan tempat tinggal akan di-sediakan. Jururawat2 Perchubaan akan menerima alau2 pakaian dan makan.

Permohonan2 yang mesti diperlukan di atas borang2 yang boleh di-dapat daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah dikembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 18 Disember, 1969.

## Sa-bagai Amah

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untuk memenohi jawatan2 kosong sa-bagai Amah di-Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Brunei.

Hanya chalun2 yang menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau yang berhak di-daftarkan sedemikian di-pertimbangkan untuk di-beri jawatan tetap. Mereka mesti-lah berumur di-antara 18 dan 25 tahun dan mesti-lah boleh berbahasa Melayu.

Lain2 chalun akan juga di-pertimbangkan bagi perkhidmatan sa-chara berkontrek atau sa-chara sa-bulan kasedulan. Chalun2 ini mesti-lah mempunyai sedikit sa-banyak pengalaman sa-bagai Amah di-rumah sakit. Mereka mesti-lah tidak lebuh dari 40 tahun kaatas kecuali mereka telah pun berkhidmat sa-bagai Amah sa-lama beberapa tahun.

**Gaji:**  
Dalam sukat gaji F. 2-3 EB4 — \$180 x 5 — 220/EB/225 x 5 — 240.

**Tugas2:**  
Chalun2 yang terpileh akan di-tempatkan di-Rumah2 Sakit Kerajaan, Gedong2 Ubat, Klinik2 Kesihatan dan Asrama2 Jururawat.

Pemohon2 mesti-lah bersedia untuk bertugas siang atau malam dan bekerja di-mana2 daerah di-negeri ini.

Permohonan2 yang mesti diperlukan di atas borang2 yang boleh di-dapat daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah dikembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari pada 8 Disember, 1969.

## DI-PEJABAT DAERAH DAN TANAH,

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada Pegawai2 Kerajaan yang sedang berkhidmat yang menjadi raayat atau berhak di-daftarkan sa-bagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Pejabat Daerah dan Tanah, Temburong.

### I) PEMBANTU TEKNIK RENDAH (1 jawatan)

#### Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2nya Darjah V Sekolah Melayu.

b) Mesti-lah telah berkhidmat dalam Pejabat Ukor selama sekurang2nya 3 tahun dan di-Pejabat Daerah dan Tanah selama sekurang2nya 2 tahun.

c) Mesti-lah berpengalaman dalam kerja2 ukor mengukur tanah.

d) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengetahuan tentang Daerah Temburong.

e) Mesti-lah berumur di-antara 18 dan 30 tahun.

**Gaji:**  
Dalam sukat gaji D. 1-2 EB 4 — \$210 x 10 — 270 x 15 — 360 x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620.

### 2) PENGHANTAR SAMAN (1 jawatan)

#### Kelayakan2 dan Pengalaman:

a) Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2nya Darjah VI Sekolah Melayu dan Darjah IV Inggeris.

b) Mesti-lah telah berkhidmat dalam Pejabat Daerah dan Tanah selama sekurang2nya 2 tahun.

c) Keutamaan akan di-beri kapada pemohon2 yang mempunyai pengetahuan tentang Daerah Temburong.

d) Mesti-lah berumur di-antara 18 dan 30 tahun.

#### Gaji:

Dalam sukat gaji E. 1-2 EB 3 — \$200 x 10 — 270/EB/280 x 10 — 330.

### 3) PEMANDU TINGKAT II (1 jawatan)

#### Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah mempunyai lisensi memandu dan tidak pernah di-dakwa kerana kesalahan memandu dan boleh membaiaki sebarang kerosakan2 kecil.

**Gaji:**  
Dalam sukat gaji F. 3 — \$200 x 5 — 220.

### 4) PENJAGA (1 jawatan)

## TEMBURONG

### Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 30 dan 45 tahun dan boleh menulis dan membaca.

### Tugas2:

Pemohon yang berjaya hendak-lah bersedia bertugas di-waktu malam.

### Gaji:

Dalam sukat gaji F. 1 — \$160 x 5 — 175.

### 5) TUKANG KEBUN (1 jawatan)

#### Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 18 dan 30 tahun.

### Gaji:

Dalam sukat gaji F. 1 EB 2 — \$160 x 5-175/EB/ 180 x 5 — 195.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu Chatuhan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti diperlukan di atas borang2 yang boleh di-dapat daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah dikembalikan kapada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 10 Disember, 1969.

Bentuk bangunan blok sains dan seni bagi Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiyah, Batu Satu Jalan Tutong, Bandar Brunei.

Bangunan yang menelan belanja lebih dari \$572,000 itu mengandungi sa-buah makmal sains, bilik2 sharanan dan seni.

Sa-lain dari mengajar pelajaran2 Ugama, sekolah tersebut juga mengajar bahasa Inggeris, sains, ilmu hisab dan lain2 mata pelajaran yang perlu bagi membolehkan penuntut2 memasuki ka-universiti.



## Latehan kedua bagi pelumba2 basikal Brunei

**BANDAR BRUNEI.** — Tiga belas orang pelumba2 basikal yang telah di-pilih untuk mewakili Brunei ka-perlumbaan basikal jarak jauh di-Malaysia pada penghujung bulan ini telah mengadakan latehan mereka yang kedua dari Bandar Brunei ka-Kuala Belait dan balek pada hari Ahad lepas.

Awangku Haji Mohammad bin Pengiran Chuchu, yang menganjorkan latehan pelumba2 itu berkata, Awangku Shahar bin Pengiran Haji Mohammad Said, naib johan dalam perlumbaan basikal dari Bandar Brunei Ka-Kuala Belait pada bulan September lepas ia-lah pelumba yang pertama tiba di-Bandar Brunei dengan mengambil masa 6 jam 50 minit dan 26.5 sa'at.

Dalam latehan mencari masa yang pertama pada 9 November lepas, Awangku Shahar menghabiskan jarak 67 batu dari Bandar Brunei ka-Kuala Belait itu dengan mencipta masa dua jam 52 minit dan enam sa'at ia-itu empat minit dan 23 sa'at lebih baik dari masa yang di-chipta oleh Awang Arthur F. J. De Silva, pemenang pertama dalam perlumbaan dari Brunei ka-Kuala Belait dalam bulan September lepas.

Awangku Haji Mohammad berkata, semua pelumba2 basikal itu telah menghabiskan

perlumbaan sa-jauh 134 batu itu.

Beliau menambah, latehan yang ketiga akan di-adakan pada 7 Disember ini.

Tiga belas orang pelumba2 basikal itu akan berlepas ka-Malaysia Barat pada 15 Disember.

Mereka akan mengambil bahagian dalam perlumbaan basikal sa-jauh 125 batu yang akan di-adakan di-Melaka pada 25 dan 26 Disember. Pelumba2 Brunei itu juga akan mengambil bahagian dalam perlumbaan basikal di-Johore pada 28 Disember ini.

## Penyampaian derma kapada anak2 yatim di-Daerah Belait

**KUALA BELAIT.** — Derma bagi anak2 yatim di-Daerah Belait yang di-anjorkan oleh Persatuan Gerakan Masharakat Pemuda Pemudi Kuala Belait akan di-adakan pada hari Juma'at 5 Disember ini.

Sa-orang juruchakap persatuan itu berkata, penyampaian derma2 itu akan di-adakan di-bilek bachaan lama,

Kuala Belait pada jam 9.00 pagi sementara derma kapada anak2 yatim di-kawasan Seria akan di-sampaikan di-Masjid Seria pada jam 11.00 pagi.

Juruchakap itu meminta anak2 yatim di-daerah itu yang berumur 16 tahun ka-bawah, sama ada yang mendaftarkan nama atau belum supaya hadir di-tempat2 dan masa yang di-tetapkan itu.


## Bakal2 haji di-minta menjelaskan baki wang tambang

**BANDAR BRUNEI.** — Bahagian Urusan Haji Jabatan Hal Ehwal Ugama telah menasihatkan bakal2 Haji yang akan pergi ka-Mekah dengan kapal terbang tahun hadapan, supaya menjelaskan baki wang tambang mereka dan sa-terusnya membuat bank draft.

Sa-orang juruchakap jabatan itu berkata, sa-orang bakal Haji hendak-lah mempunyai satu bank draft yang berharga tidak kurang dari \$700.00 bagi orang dewasa dan \$350.00 bagi kanak2 berumur antara enam hingga 10 tahun.

Bakal2 haji yang akan pergi dengan kapal terbang yang belum lagi menyerahkan passport2 mereka hendak-lah menyerahkan-nya di-Pejabat Ugama daerah masing2, pada tarikh dan waktu semasa membayar wang tambang-nya itu.

**SI-TUYU** oleh:m.salleh ibrahim



## PERUBAHAN2 DAFTAR2 PENGUNDI BOLEH DI-PEREKSA DI-PEJABAT2 DAERAH

**BANDAR BRUNEI.** — Penyelia Pilehan2 Raya, Dato Paduka Awang Matnor McAfee telah mengumumkan bahawa daftar2 pengundi bagi kawasan pemilihan di-Negeri Brunei telah pun siap di-ubah.

Perubahan daftar2 pengundi itu akan berjalan kuat kuasa-nya mulai dari 15 Januari ta-hun 1970 dan daftar2 itu boleh di-pereksa di-Pejabat2 Pegawai Daerah masing2.

Di-bawah peraturan Pilehan Raya, Daerah Brunei-Muara di-bahagikan kapada 78 unit pendaftaran; Belait 24; Tutong 27 dan Temburong 12 unit.

Perubahan daftar2 pengundi telah di-lakukan berikutkan siap-nya pendaftaran pengundi2 dalam bulan Ogos yang lalu.

Daftar2 pengundi mesti di-ubah dari masa ka-semasa supaya membolehkan mereka yang layak mengundi meng-ambil bahagian dalam pilehan raya.

Pilehan Raya Majlis Ma-shuarat Negeri telah di-adakan dalam bulan Mach tahun 1965 dan perkhidmatan-nya ber-jalan sa-lama lima tahun.

## Kirimkan kad2 Hari Raya dengan segera

**BANDAR BRUNEI.** — Ketua Pos Agong, Pengiran Bahar bin Pengiran Shahbandar Anak Hashim telah menyeru orang ramai supaya mengirim kad2 uchap Selamat Hari Raya sa-belum 6 Disember ini.

Beliau menyatakan ini ia-lah untuk mempastikan bahawa kad2 itu dapat di-sampaikan sa-belum Hari Raya ini.

Pengiran Bahar juga meng-ingatkan bahawa semua alamat di-sampul surat itu hendak-lah di-tulis dengan terang termasuk nama pekan dan ne-geri yang mesti di-tulis dengan huruf besar.

Setem-nya juga hendak-lah di-letakkan di-sudut kanan sampul surat itu kerana sampul2 itu akan di-salorkan melalui mesin pembatal setem.

Orang ramai ada-lah juga di-minta supaya jangan meng-gunakan sampul2 surat yang berukuran kecil. Ia-nya mestilah sa-kurang2-nya 4 inchi panjang dan  $2\frac{1}{2}$  inchi lebar.

## Harga beras Siam turun

**BANDAR BRUNEI.** — Harga beras Siam jenis Tiga 'A' di-negeri ini telah di-turunkan mulai 1 Disember lepas.

Pegawai Setor2 Kerajaan, Awang A. S. Newn ketika mengumumkan perkara ini berkata, harga bagi sa-gantang di-Bandar Brunei ia-lah \$2.50; di-Pekan Tutong dan Muara, \$2.55 dan di-Kuala Belait, Se-ria dan Temburong ia-lah \$2.60.

Bekalan beras bagi negeri ini di-bawa masok oleh Kerajaan sa-chara langsung dari Thailand dan di-bahagi2kan kapada kedai2 jualan barang2 ronchit di-seluroh negeri untuk di-jual dengan harga2 yang di-tetapkan oleh Kerajaan.

Perubahan harga beras yang ter-akhir ia-lah dalam bulan Nobem-ber tahun lepas, apabila harga sa-gantang beras lebih 20 sen dari yang ada sekarang.

## PEMBETULAN

**S**EDIKIT kesilapan telah terdapat dalam renchana "Beberapa Pengetahuan Asasi Tentang Al-Quran" oleh Yahya bin Haji Ibrahim, M. A. yang di-starkan dalam akhbar ini pada minggu lepas.

Ayat2 di-baris yang ke-14 dalam para yang pertama yang berbunyi: "(Kerana ada sa-seorang Islam hanya tahu tentang Quran semata2 tetapi tidak lebih dari itu)" hen-dak-lah di-bacha seperti berikut:

"Kerana ada-lah aib bagi sa-seorang Islam hanya tahu tentang Quran semata2 tetapi tidak lebih dari itu".

Tarikh mula-nya Al-Quran di-turunkan kapada Nabi Moham-mad s.a.w. melalui Jibrail ia-lah pada malam 17 Ramadhan tahun 13 sa-belum Hijrah. Bukan-nya pada malam 17 Ramadhan tahun 10 sa-belum Hijrah seperti yang terdapat dalam para yang ke-15.

## Jalani kursus di-Kuala Lumpur

**BANDAR BRUNEI.** — Sa-ramai 40 orang rekrut Pulis Di-Raja Brunei telah berlepas ka-Malaysia Barat dengan kapal Rajah Brook pada hari Juma'at lepas untuk menjalani latehan di-Pusat Latehan Pulis Di-Raja Malaysia di-Kuala Lumpur.

Rekrut2 itu akan berada di-Malaysia Barat sa-lama enam bulan.



Awang Saman Kahar, salah sa-orang peserta dalam majlis forum tersebut sedang memberikan hujjah2-nya. Lain2 peserta ia-lah Y.B. P.O.K. Amar Di-Raja Dato Seri Laila Jasa Dr. Haji Mohd. Jamil, Awang Abd. Hamid Bakal (Pengerusi) dan Awang Abd. Latif.

## Forum: Kedudukan umat Islam dalam perkembangan dunia moden

(Dari Muka 4)

Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja chuba2 menghuraikan maksud ayat itu sa-bagi-mana menurut hujjah2 beliau bahawa "bukan Umat Islam saperti yang ada sekarang ini, yang akan memerentah dunia di-satu ketika nanti, tetapi ia-lah orang2 kafir yang memasuki Ugama Islam. Sa-telah mengetahui sa - benar2-nya akan Islam itu, maka orang2 kafir itu akan memelok Uga-ma Islam, dan, oleh kerana orang2 kafir menguasai dunia, maka satelah Islam-nya me-reka, maka di-katakan-lah nanti "Islam memerentah dunia."

Dalam penafsiran ini, Pehin Orang Kaya Amar Di-Raja di-percayai mempunyai maksud yang lain yang besar kemungkinan terdapat kontra dalam pemikiran-nya. Mung-kin beliau bermaksud supaya Umat Islam mempelajari kalimat2 yang di-sebutkan-nya itu dan menyedari akan keadaan kemunduran yang mere-ka alami sekarang ini.

Hujjah2 itu sa-akan2 "merajok" di-samping menggesa se-luroh Umat Islam supaya bangkit dan terus berjuang untuk menembusi liku2 ke-munduran yang di-alami sa-lama itu dan Umat Islam sa-olah2 tidak ada masa untuk masok kapada lapangan2 yang di-katakan "mengkhyalkan", sebalek-nya terus menerus se-dar di-mana mereka sedang duduk.

Penafsiran ini kuat di-tekan-kan apabila di-ikuti hujjah2 beliau yang terdahulu yang yang berbunyi:

"Kemunduran Umat Islam di-zaman moden ini ia-lah ke-rrana mereka tidak berilmu.

Kalau pun ada ilmu mereka, tetapi tidak sa-jauh ilmu yang di-punya oleh orang2 yang bukan Islam yang dewasa ini sudah menchapai kemajuan2 yang besar sa-hingga mereka sudah berpijak di-bulan dan boleh pula berchakap dengan orang2 yang berada di-bumi".

"Ilmu ada-lah mustahak un-tuk menciptakan kemajuan2 yang lebh besar dan kalau kita mahu menandingi orang2 yang maju itu, maka kita ha-rus menguasai ilmu dan kita chari ilmu itu di-mana tempat bersembunyi-nya. Orang akan segan, kalau kita berilmu, dan dengan ilmu saja, umat Islam akan dapat menebus yang ke-mudian-nya mengilat kembali kepudaran itu".

Pehin Orang Kaya Amar Di-raja telah juga menimbulkan tentang pembakaran Masjidil-Aqsa yang menurut beliau ba-hawa keberanian untuk membakar itu ia-lah kerana mereka memandang Umat Islam kurang berilmu dan tidak lagi mempunyai semangat saperti yang terdapat sa-belum-nya. Kalau mereka memandang ki-ta sa-bagai orang2 yang ber-ilmu dan bersemangat kental, maka tidak siapa yang berani mengachau kita, apa lagi lambang kesuchian Ugama kita itu.

Rumusan dari forum itu ia-lah bahawa amat ternyata yang Umat Islam sekarang se-dang di-landa kemunduran dalam berbagai segi dan untuk mengatasi kemunduran itu di-samping menjulang balek ke-agongan Islam, maka ikhtiar2 yang amat nekad hendak-lah di-laksanakan bersama untuk meninggikan darjah ilmu, sia-sah, ekonomi, sosial, kebu-dayan dan darjah penghidupan.